



## PEKELILING PENTADBIRAN BIL.9/2019

### PELAKSANAAN TAKLIMAT INTEGRITI (INTEGRITY BRIEFING) DI DALAM MESYUARAT/ MAJLIS DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

Rujuk:

A. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.4/2019 (Kali ke-200) bertarikh 6 Mac 2019.

1. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.4/2019 (Kali ke-200) yang bersidang pada 6 Mac 2019 telah bersetuju meluluskan Pelaksanaan Taklimat Integriti (Integrity Briefing) di dalam Mesyuarat / Majlis di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) secara paparan selama satu (1) minit sebelum bermulanya sesuatu Mesyuarat/Majlis.
2. Pelaksanaan ini juga akan dilakukan untuk suatu tempoh tertentu sebagai pembudayaan/kesedaran integriti kepada warga UMK.
3. Sesalinan Taklimat Integriti dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dilampirkan untuk rujukan seperti di **Lampiran A**.
4. Semua warga UMK diminta mengambil perhatian mengenai perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas pekeliling ini. Segala perhatian dan kerjasama daripada semua pihak amatlah diharapkan demi memantapkan tadbir urus dan mengukuhkan nilai integriti di kalangan warga UMK.

Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**MOHD AKHMAL BIN ABU BAKAR**

Menjalankan Tugas Pendaftar

18 MAC 2019

- s.k - Naib Canselor  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
- Fail Edaran